

Najib bersalah atau bebas diputus esok

BH - 27/7/2020 m/s: 9

Kes tuduhan rasuah, pengubahan wang haram RM42j milik SRC


Oleh Ahmad Johari Mohd Ali
ajohari@bh.com.my

Kuala Lumpur: Dua tahun lalu, Datuk Seri Najib Razak didakwa dengan tuduhan rasuah dan pengubahan wang haram dana RM42 juta milik SRC International Sdn Bhd.

Nasibnya bakal diputus esok sama ada bersalah atau dibebaskan daripada tujuh tuduhan dihadapinya.

Tumpuan seluruh dunia akan terarah kepada penghakiman Hakim Mahkamah Tinggi, Mohd Nazlan Mohd Ghazali selepas 58 hari mendengar keterangan saksi pendakwaan dan 33 hari keterangan saksi pembelaan.

Kedua-dua pihak sebelum ini mengemukakan hujahan bertulis panjang lebar dan terperinci, berjumlah 2,000 muka surat, bagi membantu mahkamah memastikan dan menilai, serta menentukan, sama ada pendakwaan berjaya membuktikan kes



Najib Razak

melangkaui keraguan munasabah atau sebaliknya.

Jika pendakwaan yang diketuai Timbalan Pendakwa Raya Kanan, Datuk V Sithambaram berjaya membuktikan kes melampaui keraguan munasabah terhadap semua tuduhan, maka bekas perdana menteri itu bakal berdepan hukuman penjara dan denda.

Sebaliknya, jika barisan pembelaan yang diketuai peguam bela terkenal, Tan Sri Muhammad Shafee Abdullah berjaya menangkis dan menunjukkan terdapat keraguan terhadap semua tuduhan terbabit, Najib akan dibebaskan.

Bagi Muhammad Shafee yang ditemui selepas hujahan penutup pembelaan 5 Jun lalu, beliau menaruh keyakinan pembelaan mengemukakan hujahan ter-

baik menangkis tuduhan dalam skandal penyelewengan membatikan jutaan ringgit itu.

Bagi tiga tuduhan pecah amanah, Najib berdepan hukuman maksimum penjara 20 tahun dan dengan sebat dan boleh juga dikenakan denda.

Tuduhan salah guna kuasa dengan menggunakan jawatan untuk mendapatkan suapan pula, beliau berdepan hukuman penjara maksimum 20 tahun dan denda tidak kurang daripada lima kali ganda nilai suapan atau RM10,000 atau mana yang lebih tinggi.

Beliau turut berdepan tiga tuduhan pengubahan wang haram, jika sabit kesalahan bakal dikenakan hukuman denda maksimum RM5 juta atau penjara tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya sekali.

Bagaimanapun, jika disabitkan dan diperintahkan dipenjarakan, beliau dijangka tidak akan dipenjarakan terus kerana boleh memohon untuk menangguhkan pelaksanaan sementara rayuan diputuskan.

Ahli Parlimen Pekan itu boleh merayu terhadap sabitan dan hukuman (jika disabitkan) di Mahkamah Rayuan dan sekali lagi di Mahkamah Persekutuan (jika Mahkamah Rayuan mengekalkan sabitan jika disabitkan di Mahkamah Tinggi).